

Bah

Mahathir - Ekonomi

I

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Malaysia perlu mempunyai kadar pertumbuhan tahunan tujuh peratus untuk tempoh 30 tahun datang untuk membolehkannya mencapai matlamat menjadi negara maju, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau mengakui sungguhpun unjuran itu agak optimistik tetapi negara perlu menetapkan matlamatnya yang tinggi untuk memberangsangkan rakyat bekerja keras bagi mencapainya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata Malaysia mempunyai kadar pertumbuhan tahunan purata 5.1 peratus dalam 1960an, 7.8 peratus dalam 1970an, tetapi jatuh kepada 5.9 peratus dalam 1980an akibat kemelesetan.

Bagi 20 tahun yang lepas, Keluaran Negara Kasar (KNK) Malaysia naik setiap tahun dengan nilai sebenarnya purata 6.9 peratus.

+Apa yang diperlukan ialah pertumbuhan tambahan 0.1 peratus. Sekiranya kita semua sama-sama kerja kuat dengan izin Allah, sudah tentu 0.1 peratus ini boleh dicapai,+ katanya dalam kertas kerja yang menggariskan wawasannya menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Kertas kerja itu dibentangkan pada mesyuarat pertama Majlis Perdagangan Malaysia di sini semalam tetapi baru dikeluarkan kepada akhbar hari ini. -- Lagi

♥01/03/20-09MST

U GB 01-03 00142 BA563

Bah

Mahathir - Ekonomi 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata untuk melahirkan sebuah masyarakat yang makmur dan adil daripada segi ekonomi, program bagi pembangunan sumber manusia hendaklah dipertingkatkan secara +dramatik+.

+Adalah perlu untuk memastikan kewujudan satu masyarakat Bumiputera yang kukuh ekonominya dan kompetitif agar mereka setanding dengan masyarakat bukan Bumiputera,+ katanya.

Untuk menjadi sebuah negara yang ekonominya kompetitif, Malaysia perlu mempertahankannya bagi satu jangka masa yang panjang dan menjadikannya dinamik, tahan lasak dan kukuh.

Malaysia juga perlu satu ekonomi yang pelbagai bentuknya dan seimbang selain dapat pulih dengan cepat untuk menyesuaikan dengan corak perubahan bekalan, perminatan dan saingan.

Keperluan-keperluan lain termasuk sebuah ekonomi yang cekap daripada segi teknologi untuk membolehkannya menyesuaikan, membaharui dan mereka, dan diterajui oleh kuasa fikiran, kemahiran dan kerajinan dalam menguasai kekayaan maklumat. -- Lagi.

♥01/03/21-42MST

CNS8360

U GB 01-03 00140 BA564

Bah

Mahathir - Ekonomi 3 Kuala Lumpur

Perdana Menteri, yang juga pengerusi majlis yang baru ditubuhkan itu memberitahu mesyuarat: +kebanyakan daripada kami yang menganggotai majlis sekarang tidak akan lagi menjadi anggota pada pagi 1 Januari 2020. Sebahagian besar daripada kerja yang mesti dijalankan bagi memastikan Malaysia menjadi sebuah negara yang maju sepenuhnya satu generasi dari sekarang ialah sudah pasti akan dijalankan oleh pemimpin-pemimpin terkemudian daripada kami, anak-anak dan cucu-cicit kami+.

Dengan hakikat itu, Malaysia bukan sahaja mesti dimajukan daripada segi ekonominya tetapi daripada serba-serbi termasuk perpaduan nasional, keadilan sosial, kestabilan politik, kehidupan yang berkualiti, nilai-nilai rohaniah, kebanggaan nasional dan keyakinan+, tambahanya.

+Diharapkan rakyat Malaysia yang lahir hari ini dan beberapa tahun akan datang merupakan generasi terakhir warganegara kita yang hidup dalam sebuah negara yang dipanggil +negara membangun,+ katanya. -- Bernama.